

BSN **berwajah** baru

■ Peruntuk RM130 juta laksana penjenamaan semula

Bank Simpanan Nasional (BSN) memperuntukkan sebanyak RM130 juta bagi pelaksanaan penjenamaan semula BSN sekali gus memperkenalkan wajah baharu cawangannya di seluruh negara secara berperingkat selama tiga tahun.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Adinan Maning berkata, setakat ini 37 daripada 401 cawangan perniagaan BSN sudah berwajah baharu dan dilengkapi susun atur dalaman yang akan memberi keselesaan kepada pelanggan.

Katanya, BSN komited menjadi penyedia perkhidmatan kewangan yang terbaik untuk segenap lapisan masyarakat dalam dan luar bandar dengan memberi saluran perbankan mudah dan lancar sejak 40 tahun lalu.

"BSN melaburkan sejumlah besar sejak beberapa tahun lalu untuk menaik taraf semua bidang perniagaan, justeru, dengan penjenamaan semula ini, kami yakin identiti jenama baharu ini akan diterima sepenuhnya oleh semua rakyat Malaysia.

"Kami sudah mengubah operasi untuk memberi perkhidmatan kepada komposisi pelanggan yang kian berkembang serta perkhidmatan dinaiktaraf dengan memaksimumkan teknologi bagi membolehkan pelanggan menikmati sepenuhnya akses perbankan yang berkualiti dan efisien," katanya pada sidang media



FAKTA

BSN mempunyai 7,000 kakitangan di seluruh negara

MENTERI Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah (tengah) bersama Adinan (kiri) dan Pengerusi BSN, Tan Sri Abu Bakar Abdullah merasmikan majlis pelancaran penjenamaan semula BSN, malam tadi.

pelancaran penjenamaan semula BSN di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Eksekutif (Perbankan Runcit) BSN, Datuk Yunos Abd Ghani dan Timbalan Ketua Eksekutif (Sokongan Korporat), Siew Kin Meng.

Adinan berkata, BSN memperkenalkan identiti

baharu dengan mengubah warna korporat kepada warna teal yang melambangkan kebolehpercayaan dan kebergantungan.

Beliau berkata, pihaknya sudah mengolah semula cara bank menyampaikan pengalaman lebih baik berdasarkan rangkaian perbankan yang moden, merangkumi struktur teknologi maklumat

(IT) dan pasaran yang tersedia.

Setakat ini, BSN mempunyai 7,000 kakitangan di seluruh negara dengan 872 mesin juruwang automatik, 372 mesin deposit tunai dan lebih 6,000 Ejen Bank BSN bagi memberi perkhidmatan kepada 9.1 juta pelanggan.

Sementara itu, Yunos berkata, mengenai tujuhan pa-

saran tahun depan, BSN menjangkakan ia lebih mencabar berbanding tahun ini.

"Kami tidak meletakkan sasaran tinggi untuk pasaran tahun depan, malah BSN akan memberi tumpuan lebih kepada segmen pinjaman perumahan dan sewa beli di sebalik situasi semasa yang mencabar sekarang," katanya.